

Milihan Bidangusaha pertanian Suatu Pendapat

Prof. Madya Dr. J. James Silip

silip@ums.edu.my, 016-8012580

Fakulti Pertanian Lestari, Universiti Malaysia Sabah, Jln. Sg.Batang, Batu 10, 90509
Sandakan, Sabah

Pengenalan.

Isu kecukupan bekalan makanan semakin mendapat perhatian baru-baaru ini terutama semasa operasi perintah kawalan pergerakan (PKP) dilaksanakan akibat penyakit pendemik kovid 19 melanda negara dan seluruh dunia. kerisauan ketidak cukupan bekalan keperluan asas khasnya beras memuncak di ngara kita apabila tular berita negara pengeluar tidak membenarkan berasnya dibeli oleh negara luar. kerisauan ini membawa kepada perlunya merujuk semula prestasi seluruh rantain pertanian negara berkaitan makanan ini.

ekosistem rantaian makanan negara merujuk kepada seluruh pemain industri itu sendiri dari petani, peangelola hasil, peruncit dan pengguna haasil akhir. persoalan utama adalah pemilihan bidangusaha pertanian sama ada tanaman, ternakan ataupun perikanan. jika hendaknya ingin mempukan perhatian kepada kecukupan sumber karbohirat. seharusnya janganla kita tumpukan kepada tanaman padi sahaja semata-mata tetapi juga kepada sumber lain seperti tanamanubisi seperti ubi kayu, ubi manis dan ubi keladi, kekacangan seperti kacang tanah dan kacanga hijau dan juga bijiran lain seperti jagung, dan barli. pisang sabah yang terkenal dan banyak ditanam di negeri ini juga merupakan sala satusumber karbohidrat yang baik.

hasil tuaian bagi pilihan sumber karbohidrat selain padi yang disenaraikan sebenaranya lebih tinggi dan ada yang boleh dituai lebih awal serta cabaran penjagaan semasa pertumbuhan adalah sedikit.sebagai contoh purata hasil tuaian padi per ha di

Koleksi Pemikiran Profesor Madya Dr. J. James Silip [1/2022]
sabah adalah 3.5tan per ha sahaja tetapi hasil tuaian bagi pisang sabah boleh
mencapai 10 tan per ha per sekali tuaian. tambahan pula tanaman lain boleh diolah
menjadi hasil hiliran lain yang akan meningkatkan nilai tambah dan keuntungan
kepada petani.

keputusan untuk memilih bidangusaha bagi sumber protein sama ada dari industri
ternakan atau perikanan akan bergantung kepada keupayaan sumber dan dana para
pengusaha kerana ternakan pilihan adalah haiwan yang akhirnya perlu diberi makan
setiap hari. kerana rutein pemakanan harian maka, kos utamabidangusaha ini dan
kdangakala mendapai 80% daripada kos pengeluaran industri ini adalah makanan itu
sendiri. oleh itu sesiapa yang ingin menceburi bidang ini perlula memikirkan dan
menyediakan strategi berkaitan makanan ternakan lebih awal sebelum memulakan
industri ini. keuntungan mungkin sedikit bagi setiap unit hasil tetapi jumlah unit yang
dapat dihasilkan bagi seunit keluasan adalah sangat tinggi. sebagai contoh seekor
ayam pedaging boleh dipelihara dalam sangkar dengan akeluan satu kaki persegi
sahaja.

selain sebagai sumber karbohidrat dan protein, hasil tani sebagai sumber asas
khususnya sayur-sayuran hijau pernah tular kerana tidak cukup di pasaran. ramai
pengguna mula memikirkan untuk mengeluarkan atau amenanam sayur sendiri di
halaman rumah. hal ini dapat dilakukan oleh mereka yang mempunayi ruangan untuk
menanam di halaman rumah. bagi mereka yang tidak memiliki ruangana mulai risau
dan hilang idea untuk terlibat. sedangkan banyak cara yang boleh dicuba.
pengeluaran sayur taugeh adalah sala satu aktiviti yang tidak memerlukan tanah
dan hanya perlukan ruangan yang gelap. teknik penanaman tumpah tanah dengan

Koleksi Pemikiran Profesor Madya Dr. J. James Silip [1/2022] menggunakan sabut kelapa, hidroponik, autopot adalah kaedah-kaedah yang banyak dibincangkan sebagai teknik dalam rumah dimana medium akar diubasuai untuk mencapai keperluan sebenar tanaman. Keperluan cahaya juga boleh diberikan secara teratur melalui jenis lampu tertentu.

Biangusaha Tanaman

Bidang inilah yang paling pertama dimajukan oleh manusia. Kajian dimulakan dengan mengenali tanaman yang berguna kepada manusia sebagai makanan harian sahaja tetapi kemudian dikembangkan pemilihan berdasarkan kepada fungsi-fungsi yang lebih spesifik seperti tumbuhan yang mempunyai kandungan protein dan atau vitamin dan zat tertentu untuk kesihatan manusia.

Pada awalnya tanam ini dicari di hutan dan pencari akan masuk hutan apabila tanaman diperlukan. Kerana kesusahan masuk hutan dan kepastian bahawa tanam itu ada di hutana tiada jaminan maka para petani mula menanam tanam tersebut di ladang yang dijag dengan baik.

Tanaman juga ada kalanya ditanam bukan hanya untuk dimakan tetapi sebagai hiasan yang ditanam untuk menghiasi laman rumah bagi memberikan keindahan kepada arumah yang akhirnya mencerminkan kebahagian dan kemampuan sebuah keluarga. Bidang usaha bunga-buangan ini juga dikenali sebagai floricultur dan jumlah tanaman dalam kategori ini sangat besar.

Bidang usaha buah-buahan adalah bidang yang penting dalam bidang usaha tanaman. Kita dapat berikan beberapa kumpulan buah-buahan ini kepada beberapa kategori berdasarkan fungsi dan sifatnya seperti berikut:-

4.1 Buah-buahan kalimaterik. Seperti buah mangga, betik, pisang, nangka, cempedak, tarap dan lampun. Buah-buahan ini boleh dituai ketika mencapai kematangan maksimum di pokok kemudian diranumkan diluar pokok. Ini memberi kelebihan untuk strategi pemasaran. Bermakna kita boleh melambatkan kemasakan buah diluar pokok kemudian apabila hendak dimakan atau dijual boleh dimasakkan kemudian secara langsung buah.

Buah-buahan bukan kalimaterik. Buah-buahan dalam kategori ini mesti dituai ketika mencapai kulit terbaik dipohon kemudian baru dituai kerana ia tidak dapat diranumkan diluar pokok. Antara buah-buahan dalam kategori ini adalah buah limau, beri, nenas, kelapa dan oren.

Proses peranuman diluar pokok dapat dilakukan dengan pendedahan hasil tuain dengan sumber gas etilena yang bertanggungjawab terhadap proses bermulanya keranuman dalam buah-buahan. Ini bermakna sekumpulan buah mentah yang baru saja dituai dan jika terdedah dengan buah yang telah ranum akan juga mulai ranum. Selain buah ranum, gas etilena boleh juga diperolehi daripada sel tumbuhan yang tercedera, gas carbida dan gas etilena tulen.

Buah-buahan juga boleh dikategorikan berdasarkan sifat berbuah sepanjang tahun dan umpanan pertama ialah buah-buahan berbuah sepanjang tahun seperti, pokok

jmbu btu, jmbu air, kedondong, salak, kelapa, markisa dan pisang. dengan penanaman jenis buah-buahan ini maka anda akan mendapat bekalan buah sepanjang tahun. pada hakiknya walaupun ianya dikategorikan sebagai buah-buahan tidak bermusim tetapi akan ada musim buahnya yang pling lebat dalam setahun atau paling kurang buah dalam setahaun.

buah-buahan bermusim adalah kategori pokok buah-buahan yang menunjukkan musim buah yg sangat ketara berbuh pada bulan-bulan tertentu. antara buah-buahan dalam kategori ini ialah rambutan, durian dan langsat,

* polar musim buah banyak ditentukan oleh agroklimat sesuatu kawasan khususnya musim hujan dan musim kering serta amalan pertanian khususnya pembajaan dan amalan pengairan.

Daripada maklumat ringkad terhadap jenis buah-buahn di atas maka anda boleh mula memikirkan apakah jenis buah-buahn yang anda ingin tanam di tanah anda. terdapat beberapa maklumat tambahan yang pastinya anda akan aingin kepastian daripada semua jenis buah-buahan yang tersenarai seperti beerikut:-

1. bilakah ianya mula berbuah?
2. berapa jumlah pokok boleh ditanam dalam 1 ekar?
3. jumlah hasil yang boleh dituai seekar, semusim atau setahun?
4. keperluan dan kbolehdapatan benih?
5. keperluan dan kos pengurusan ladang?
6. Jangka hayat hasilan yang dituai?
7. jangka masa ekonomi pokok/ternakan?
8. penyakit dan risiko lain tanaman/ternakan?

percayala bahawa amklumat ini semuanya boleh didapati dihujung jari melalui laman sesawang internet dengan hanya memasukkan kekunci persoalan anda. sila layaari internet lebih kerap dan atau ke perpustakaan atau mulai menghubungi para mereka yang anda pasti mampu membeerikan anda sedikit input berkenaan persoalaan utama anda selain itu bertemu dengan orng yang telah terlibata dengan industeri tersebut merupakan sumber yang sangat penting.

pada asasnya anda boleh mengira jumlah pokok, benih dan perkiraan lain dengan mengetahui jarak tanaman sesuatu buah-buahan. mengambil contoh pokok duraiyan dengan jarak tanaman 40x40 kaki maka

kiraanjumlah pokok dalam1 ekar adalah = keluasan kawsan dibahagi jarak tanaman

$$= 40 \times 40 / [43560\text{ft}^2 \text{ (1ekar)} / 40 \times 40 \text{ (400)}] = 109 \text{ pokok}$$

ini bermakna anda perlukan 109 benih pokok durian anda untuk 1 ekar tetapi biasanya akan ditambah 5% untuk persediaan penggantian pokok yang dijangka akan mati. pokok mestila diganti dengan anak benih yang lebih kurang umurnya bagi mendapatkan pertumbuhan yang seragam di ladang untuk mmudahkan pengurusan yang berterusan yang dijangka akan lebih mudah kerana semua keperluan pokok seperti baja adalah sama kelak.